



MTUN perlu perluas pengajian, daftar lebih ramai pelajar TVET

Oleh [Asrol Awang](#) - Julai 3, 2023 @ 8:39pm
bhnews@bh.com.my

PEKAN: Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) di negara ini diminta merangka serta merancang memperluaskan pengajian bagi mendaftar lebih ramai pelajar dalam bidang teknikal dan vokasional (TVET).

Saranan itu dibuat Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia ke-13 (RMK-13).

MTUN merangkumi Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

"Dalam RMK-13, kita harap MTUN dapat merangka dan merancang untuk memperluaskan pengajian untuk mendaftar lebih ramai pelajar dalam TVET," katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke UMP, di sini hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga UMP, Tan Sri Dr Abdul Aziz Abdul Rahman dan Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Yuserrie Zainuddin.

Mengulas hasil lawatan ke UMP, Khaled mengakui berpuas hati dengan perjalanan dan pencapaian universiti itu yang berada pada landasan tepat untuk terus menyumbang kepada kemajuan negara.

Katanya, UMP adalah antara universiti teknikal yang membabitkan pengajian TVET.

"Dari segi kebolehan pasaran, sebanyak 98 peratus pelajar yang dikeluarkan daripada UMP mendapat pekerjaan iaitu melebihi universiti awam atau MTUN yang lain.

"Sebanyak 20 peratus graduan UMP mendapat gaji melebihi RM3,000 ke atas kerana hubungan baik dan rapat dengan pihak industri," katanya.



Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (dua kanan) melihat demonstrasi penggunaan van mobiliti untuk kegunaan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) oleh pelajar peringkat PHD, Siti Hawa Apandi (kanan) di Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan, hari ini. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang